

| | | | |
|-------------------|---|------|----------------|
| | | | Date |
| | | | Page: - 1 - |
| DEPARTMENT | MECHATRONIC ENGINEERING TECHNOLOGY | | Ref. No: |
| SECTION | PERFORM OPERATIAN AND NETWORK SYSTEM CHECK | | |
| COURSE | Junior Automation Technician | | Course code No |
| BLOCK | Practice on Pc Assembly and networking | | |
| UNIT | Networking | | |
| SEGMENT | 10.01 Carry Out Operation And Network Operation Check 10.02 Carry Out Operation And System Functionality Check 10.03 Monitor Operation And Network Sys. Condition and Functionality | | DMB1201 |
| CANDIDATE | | | Semester |
| DUTY | | TASK | Reg. No |


TAJUK: PRA PEMASANGAN UNIT KOMPUTER

OBJEKTIF:

Pelatih-pelatih mesti boleh

1. Periksa keadaan fizikal papan induk
2. Periksa fizikal unit pemprosesan
3. Pasang unit pemprosesan pada papan induk
4. Pasang kipas penyejuk pada unit pemprosesan
5. Pasang panel ingatan pada papan induk

RAJAH BERGAMBAR UNIT PAPAN INDUK



ARAHAN UMUM




Komputer adalah sebuah peranti elektronik yang mampu menganalisis dan mengeluarkan maklumat. Maka untuk itu ia memerlukan pelbagai peranti untuk memberi fungsi seperti yang dikehendaki. Bagi sebuah komputer terdapat satu peranti yang menjadi tunjang kepada kesempurnaan fungsinya. Iaitu papan induk (*mother board*). Papan induk ini lebih merupakan kepada sebuah papan litar elektronik bercetak. Yang mana ia menjadi tapak atau penghubung bagi peranti lain berfungsi. Papan induk juga mempunyai ciri-ciri khas yang telah ditetapkan kepadanya, seperti BIOS, *Chipset* dan *slot-slot* yang berkaitan.




Papan induk tidak mampu melakukan tugas secara sendirian. Boleh dikatakan bahawa ia tidak berguna jika tanpa peranti lain yang bakal dihubungkan kepadanya. Justeru itu bagi membina sebuah PC banyak perkara perlu dititik berat selain beberapa peralatan tangan yang lain.




Didalam proses pra pemasangan ini papan induk akan dihubungkan dengan beberapa komponen lain seperti Unit pemprosesan, Panel ingatan, Kipas penyejuk serta menara penyejuk. Ini kerana komponen ini adalah komponen yang mempunyai sifat sensitiv terhadap cas *electrostatic*. Ia akan mudah dipengaruhi oleh keadaan kelembapan dan habuk persekitaran.

Untuk melakukan kerja pra pemasangan ini, berikut disenaraikan beberapa peralatan dan komponen yang terlibat

1. Papan induk
2. Unit pemprosesan
3. Panel ingatan
4. Menara penyejuk
5. Kipas penyejuk
6. *Thermal Compound*
7. Pemutar skru
8. Pena ujian
9. Buku manual papan induk
10. *Anti static wrist band*

| LANGKAH KERJA | LANGKAH-LANGKAH PENTING |
|--|---|
| <p>Pasang unit pemrosesan pada papan induk</p> | <p>a) Buka tuil yang terdapat pada tapak <i>prosesor</i> di papan induk</p>  <p>Figure 6. Lift the Socket Lever</p> <p>b) Perhatikan bahawa terdapat satu bucu yang seperti kehilangan lubang.</p>  <p>c) Perhatikan pada unit pemrosesan anda dimana pada salah satu bucu nya terdapat satu <i>chamfer</i></p>  <p>Bucu arah/ bucu tanda</p> <p>d) Jadikan ia sebagai bucu tanda/ bucu arah unit pemrosesan</p> <p>e) Letakkan ia mengikut kedudukan yang betul dan tepat</p> <p>f) Tutup kan kembali tuil dengan kemas</p> |

| LANGKAH KERJA | LANGKAH-LANGKAH PENTING |
|--|--|
| <p>Pasang kipas penyejuk pada unit pemprosesan</p> | <p>a) Kipas penyejuk didatangkan sekali bersama menara penyejuk. b) Keluarkan ia daripada kotak. c) Sapukan sedikit <i>Thermal Compound</i> pada unit pemprosesan d) Letakan menara penyejuk diatas unit pemprosesan tadi. e) Kemaskan kedudukannya</p>  <p>f) Cantumkan soket bekalan kuasa kipas penyejuk kepada terminal yang dilabelkan sebagai “CPU Fan” pada papan induk</p>  <p>g) Untuk mengetahui kedudukan terminal “CPU Fan” sila rujuk buku manual yang disediakan</p>  |

| LANGKAH KERJA | LANGKAH-LANGKAH PENTING |
|---|---|
| <p>Pasang panel ingatan pada papan induk</p> | <p>a) Panel ingatan adalah merupakan sebuah peranti elektronik yang peka terhadap gangguan cas elektro static</p> <p>b) Oleh itu elakkan daripada memegang bahagian yang bersalut timah pada badannya.</p> <p>c) Buka klip soket panel ingatan pada papan induk</p>  <p>d) Sila pastikan bahawa panel ingatan yang digunakan selaras dengan slot panel ingatan pada papan induk.</p> <p>e) Ini kerana panel ingatan terdapat pelbagai jenis dan keupayaan</p>  <p>f) Masukkan panel ingatan pada slot yang terkecil.</p> <p>g) Tutup kembali klip soket panel ingatan.</p> <p>h) Klip tersebut akan tertutup sendiri jika panel ingatan dimasukkan dengan tepat dan betul serta kemas</p>  |

SOALAN

1. Berikan langkah keselamatan yang perlu diambil kira semasa mengeluarkan komponen computer dari bungkusannya

2. Terangkan dengan ringkas langkah keselamatan semasa proses pemasangan komputer

3. Bagaimana untuk membezakan sesebuah RAM DDR2 dan DDR3.

Rujukan:

COMPUTERS TOOL FOR AN INFORMATION AGE H.L. CAPRON

INTEL DESKTOP BOARD DG33FB PRODUCT GUID

KERTAS PENERANGAN BERTAJUK PERKAKASAN KOMPUTER

KERTAS PENERANGAN BERTAJUK KONSEP ASAS KOMPUTER